

Dasar Penyelidikan dan Inovasi



Dasar Penyelidikan dan Inovasi

KANDUNGAN

MUKA SURAT

KANDUNGAN	i
1.0 PENGENALAN	1
2.0 OBJEKTIF	1
3.0 SKOP	2
4.0 TANGGUNGJAWAB	3
5.0 DOKUMEN BERKAITAN	3
6.0 DAFTAR KATA	4
6.1 Terma dan Definisi	4
6.2 Singkatan	6
7.0 PERNYATAAN DASAR DAN PENJELASAN	7
7.1 Keperluan Untuk Menjalankan Penyelidikan	7
7.2 Strategi Pelaksanaan Dasar Penyelidikan dan Inovasi	8
7.3 Pendedahan dan Pengantarabangsaan Penyelidikan	8
7.4 Hasil (<i>Output</i>) Penyelidikan dan Petunjuk Prestasi	9
7.5 Etika Penyelidikan	9
7.6 Hak Harta Intelek	10
7.7 Sinergi Dalam Pengajaran dan Penyelidikan	10
7.8 Pengurusan Penyelidikan Universiti	11

7.9	Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Universiti Malaya	11
7.10	Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE)	12
8.0	VERSI	13
9.0	APPENDIKS	13
	LAMPIRAN 1	14
	LAMPIRAN 2	18
	LAMPIRAN 3	20

DASAR PENYELIDIKAN DAN INOVASI UNIVERSITI MALAYA

1.0 PENGENALAN

Dasar Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaya merupakan satu dokumen yang menyediakan rangka kerja untuk pembangunan budaya penyelidikan yang kompetitif dan berinovasi di Universiti Malaya bagi menjadi peneraju penyelidikan dalam semua sempadan ilmu dan teknologi canggih serta meningkatkan hasil penyelidikan secara kuantitatif dan kualitatif.

Universiti Malaya beriltizam untuk mengekalkan status Universiti Penyelidikan terunggul serta dikenali di peringkat antarabangsa. Universiti juga komited dalam menyokong semua aktiviti penyelidikan bagi mewujudkan dan memajukan ilmu serta meningkatkan kualiti kehidupan melalui penemuan, penyebaran serta penggunaan hasil penyelidikan dalam pelbagai disiplin selaras dengan visi dan misi Universiti Malaya.

2.0 OBJEKTIF

Tujuan utama Dasar Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaya ini disediakan adalah untuk menjadi garis panduan kepada pemilik teras, pihak Pengurusan Universiti serta staf akademik Universiti mengenai peranan dan tanggungjawab mereka dalam

proses pembudayaan penyelidikan dan inovasi di Universiti Malaya. Selaras dengan itu, objektif dasar ini adalah untuk:

- (a) Mengukuhkan prestasi cermerlang Universiti sebagai universiti penyelidikan perdana di Malaysia dan antarabangsa.
- (b) Memperkasa dan membudayakan penyelidikan yang kreatif dan berinovasi.
- (c) Mempertingkatkan penyelidikan usahasama antara disiplin dan pelbagai bidang di dalam dan luar negara.
- (d) Mempergiat dan memperkukuhkan jalinan kerjasama dan kolaborasi di antara universiti dan industri serta masyarakat.
- (e) Mempertingkatkan usaha dalam penjanaaan pendapatan bagi Universiti.

3.0 SKOP

Dasar ini merangkumi semua proses yang berkaitan dengan pelaksanaan dan pengurusan penyelidikan, hasil penyelidikan, aktiviti kesarjanaan, aktiviti usahasama (kolaborasi), perundingan serta aktiviti pengkomersilan di Universiti Malaya.

4.0 TANGGUNGJAWAB

Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) bertanggungjawab dalam memastikan dasar ini dipatuhi dan dilaksanakan.

5.0 DOKUMEN BERKAITAN

Dokumen yang berkaitan adalah seperti berikut:

- (a) Akta Universiti & Kolej Universiti 1971
- (b) Occupational Safety and Health Act 1994 (OSHA)
- (c) Kod Etika Akademik Universiti Malaya 1997
- (d) Kod Etika Universiti Malaya 2010
- (e) Garis Panduan Kerja Perundingan Edisi 3, 2008
- (f) Polisi Am Pentadbiran Unit Perundingan Universiti Malaya (UPUM), 2010
- (g) Garis Panduan dan Manual Kewangan UPUM, 2010
- (h) Arahan Kerja UPUM
- (i) Borang Kebenaran Menjalankan Kerja Perundingan
- (j) Surat Akuan Melaksanakan Kerja Perundingan
- (k) Manual Perolehan Perkhidmatan Perundingan (dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan) Versi terkini
- (l) Dasar Harta Intelek Universiti Malaya, Edisi 1, 2003
- (m) Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti
- (n) Garis Panduan Pengurusan Kewangan Kepada Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj)/Jabatan

6.0 DAFTAR KATA

6.1 Terma dan Definisi

- (a) **Penyelidikan** secara luasnya boleh ditakrifkan sebagai suatu aktiviti sistematik dan berdisiplin yang dijalankan untuk mewujudkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan. Ia membabitkan pelbagai bentuk merentasi disiplin, termasuk penemuan penyelidikan saintifik dan sosial, penciptaan atau pembaikan konsep dan teori, teknik atau komposisi, atau memperluaskan pemahaman semasa melalui analisis kritikal. Ciri-ciri umum penyelidikan merangkumi metodologi yang sistematik dan berdisiplin, komitmen terhadap penerbitan hasil daripada penemuan dan ulasan kesepakarian yang setanding. Unsur penerbitan penyelidikan juga berbeza mengikut disiplin dan boleh meliputi penerbitan hasil di dalam jurnal atau monograf atau buku ke persembahan komposisi kreatif.
- (b) **Penyelidik** ertinya staf atau pelajar yang menjalankan penyelidikan.
- (c) **Staf** ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh Universiti di bawah Perlembagaan Universiti dan mana-mana Statut lain termasuk kakitangan akademik, pegawai, guru, felo penyelidik atau pekerja Universiti.
- (d) **Pelajar** ertinya seorang pelajar berdaftar di Universiti.
- (e) **Universiti** ertinya Universiti Malaya.

- (f) **Kod Etika Akademik Universiti Malaya** ertinya kod etika akademik.
- (g) **Perundingan** ertinya satu kegiatan yang melibatkan seseorang atau sekumpulan orang untuk memberi perkhidmatan kepakaran atau kemahiran kepada pihak yang memerlukan, sama ada dengan mendapat bayaran atau tanpa bayaran.
- (h) **Perunding** ertinya semua staf UM merangkumi kakitangan akademik yang menjalankan kerja Perundingan.
- (i) **Pengkomersilan** ertinya penterjemahan idea menjadi sesuatu yang berupa produk, perkhidmatan, proses atau sistem teratur yang boleh dipasarkan melalui kaedah perlesenan, penjualan, *spin-off*, atau syarikat usahasama.
- (j) **Inovasi** ertinya sebagai penciptaan serta implimentasi samaada berbentuk proses, produk, perkhidmatan atau kaedah penyampaian yang baru, yang berupaya memberi peningkatan yang signifikan terhadap hasil, kecekapan, keberkesanan atau kualiti.
- (k) **Harta Intelekt** ertinya mana-mana Harta Intelekt yang dilindungi oleh undang-undang Malaysia yang merangkumi penemuan yang boleh dipatenkan, *knowhow*, Hak Cipta, Rekabentuk, Rekabentuk Susun Atur Litar Bersepadu dan Cap Dagang.

6.2 Singkatan

CITRA	Pusat Latihan & Hubungan Industri
FRGS	Fundamental Research Grant Scheme
HICoE	Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi
IPPP	Institut Pengurusan & Pemantauan Penyelidikan
PJM	Pusat Jaringan Masyarakat
PTj	Pusat Tanggungjawab
TNC(P&I)	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
UMCIC	University of Malaya Centre of Innovation and Commercialization (Pusat Inovasi dan Pengkomersilan)
UMMIS	University of Malaya Management Information System
UMRG	University of Malaya Research Grant
UPUM	Unit Perundingan Universiti Malaya
USPI	Unit Sokongan Penerbitan Ilmiah

7.0 PENYATAAN DASAR DAN PENJELASAN

Selaras dengan Visi Universiti Malaya untuk menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang ternama di peringkat antarabangsa dalam penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pengajaran maka Universiti mesti mengambil pendekatan yang jitu untuk membangunkan budaya penyelidikan yang kompetitif dan berinovasi di kalangan warga kerja dan pelajarinya demi meningkatkan kualiti kehidupan sejagat.

7.1 Keperluan Untuk Menjalankan Penyelidikan

Dalam usaha untuk mencapai visi yang ditetapkan, Universiti mengambil pendekatan berikut:

- (a) Semua staf akademik wajib menjalankan penyelidikan dan aktiviti kesarjanaan di samping menerbitkan hasil penyelidikan mereka atau mempatenkannya.
- (b) Semua penyelidik layak memohon dana penyelidikan bagi membiayai penyelidikan mereka.
- (c) Menjalankan penyelidikan adalah merupakan satu keperluan dalam perkembangan kerjaya staf di samping memenuhi tanggungjawab akademik dan pentadbiran.
- (d) Dasar ini tidak boleh digunakan sebagai alasan kepada ketua PTJ daripada mengecualikan tugas pengajaran dan/atau lain-lain tanggungjawab akademik kepada staf di

bawah pengawasannya tanpa mendapatkan kelulusan daripada Naib Canselor.

7.2 Strategi Pelaksanaan Dasar Penyelidikan dan Inovasi

Untuk membangunkan budaya penyelidikan yang kompetatif dan berinovasi di kalangan warga kerja dan pelajarinya, Universiti mengambil pendekatan berdasarkan strategi-strategi sepertimana dinyatakan dalam Terma Rujukan Strategi Pelaksanaan Dasar Penyelidikan Dan Inovasi (Lampiran 1).

7.3 Pendedahan dan Pengantarabangsaan Penyelidikan

Pengantarabangsaan penyelidikan adalah perlu dalam usaha memantapkan pembangunan budaya penyelidikan yang kompetatif dan berinovasi di kalangan warga kerja dan pelajarinya. Pendedahan dan pengantarabangsaan penyelidikan perlu bagi tujuan berikut:

- (a) meningkatkan keunggulan penyelidikan dan inovasi yang berpotensi melalui akses yang lebih luas kepada sumber ilmu luar.
- (b) membangunkan kolaborasi global dan rangkaian inovasi yang mampu memperkembangkan dan memanfaatkan pengetahuan baru dan teknologi terkini.
- (c) meningkatkan daya saing global bagi penyelidikan yang dilaksanakan di universiti.

- (d) bersaing dalam mendapatkan dana penyelidikan antarabangsa.
- (e) mendedahkan staf dan pelajar tempatan kepada budaya penyelidikan negara maju.
- (f) menarik pelajar-pelajar warga asing yang cemerlang untuk menjalankan penyelidikan di universiti untuk menggalakkan interaksi antara budaya.

Pengantarabangsaan bidang penyelidikan ini akan dilaksanakan dengan menganjurkan dan menyertai lebih banyak seminar dan persidangan antarabangsa, membentangkan kertas-kertas penyelidikan, menjana penerbitan kertas ilmiah yang diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi atau makalah antarabangsa serta aktiviti penyelidikan melalui kolaborasi antarabangsa.

7.4 Hasil (*Output*) Penyelidikan dan Petunjuk Prestasi

Hasil penyelidikan dan petunjuk prestasi bagi hasil penyelidikan dan proses yang berkaitan adalah seperti penerbitan, hak harta intelek, laporan penyelidikan, dana penyelidikan, penyeliaan dan lain-lain yang butirannya diberikan dalam Lampiran 2.

7.5 Etika Penyelidikan

Staf dan pelajar universiti yang menjalankan penyelidikan perlu mempunyai etika yang tinggi berpandukan buku “Kod Etika

Akademik Universiti Malaya 1997” dan Kod Etika Universiti Malaya 2010. Garis Panduan Etika Penyelidikan yang dipetik dari buku Kod Etika Universiti Malaya 2010 diberikan dalam Lampiran 3.

7.6 Hak Harta Intelek

Hak Harta Intelek merupakan hak-hak yang dilindungi oleh undang-undang khusus yang membolehkan pemilik Harta Intelek tersebut melaksanakan kawalan eksklusif ke atas eksploitasi hak-hak tersebut, biasanya dikaitkan dengan tujuan keuntungan komersil. Kaedah-kaedah yang digunapakai oleh Universiti Malaya adalah seperti yang telah digariskan di dalam buku Dasar Harta Intelek UM.

7.7 Sinergi Dalam Pengajaran dan Penyelidikan

Di dalam usaha untuk menjadikan program ijazah tinggi dan penyelidikan bertaraf antarabangsa, strategi perlu dirangka bagi membolehkan pelajar menjalankan sebahagian daripada program penyelidikan di luar negara dan ini akan diuruskan melalui bantuan kewangan dari Dana Penyelidikan Universiti Malaya bagi menghadiri persidangan, bengkel, atau seminar. Sehubungan dengan konsep mengantarabangsakan Universiti, Universiti harus menggalakkan penyelidik-penyelidik dan pelajar-pelajar warga asing untuk mengambil bahagian di dalam program penyelidikan ijazah tinggi.

7.8 Pengurusan Penyelidikan Universiti

Aspirasi pengurusan Penyelidikan Universiti adalah untuk memastikan Universiti Malaya kekal sebagai sebuah universiti penyelidikan perdana di Malaysia. Pengurusan ini terdiri daripada:

- (a) Majlis Penyelidikan Universiti Malaya
- (b) Jawatankuasa Peruntukan Universiti Penyelidikan Universiti Malaya
- (c) Institut Pengurusan & Pemantauan Penyelidikan
- (d) Kluster Penyelidikan

Unit-unit lain yang turut berperanan di bawah tadbir urus Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) yang menyokong dasar ini adalah UMCIC, UPUM, PJM, CITRA, USPI, HICoE dan unit berkaitan penyelidikan yang ditubuhkan /diubahsuai dari semasa ke semasa.

7.9 Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Universiti Malaya

Dalam usaha untuk meningkatkan profil penyelidikan universiti yang akan menumpukan kekuatan dalam bidang sedia ada (atau dalam membangunkan bidang penyelidikan yang ditentukan oleh universiti) di mana universiti mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut, penubuhan pusat-pusat penyelidikan dan Institut akan dipergiatkan. Ini akan dapat membantu dan mempromosi universiti dalam bidang kecemerlangan penyelidikan yang akan meningkatkan prestasi dan reputasi universiti. Pusat-pusat Kecerlangan Penyelidikan ini juga akan

menjadi jentera bagi mengikat hubungan di antara universiti dengan institusi penyelidikan lain dan industri serta menggalakkan hubungan inter dan multidisiplin. Ciri-ciri Pusat Penyelidikan dan Institusi Kecemerlangan:

- (a) selaras dengan kepentingan strategik universiti
- (b) mendukung dasar dan strategi penyelidikan universiti
- (c) selaras dengan keutamaan agensi yang membiayai penyelidikan dan berdaya saing
- (d) menunjukkan prestasi penyelidikan berkualiti tinggi (UMMIS)
- (e) menunjukkan kelestarian dalam penyelidikan dan kewangan
- (f) telah diluluskan oleh Senat dan Lembaga Pengarah Universiti Malaya

7.10 Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE)

Penarafan sebagai HICoE dilaksanakan mengikut tiga (3) teras berikut:

- (a) Teras Penyelidikan dan Inovasi (*Research and Innovation Thrust*)
- (b) Teras Pengajaran dan Pembelajaran (*Teaching and Learning Thrust*)
- (c) Teras Perkhidmatan (*Service Thrust*)

Kriteria Penilaian HICoE Mengikut Teras Penyelidikan dan Inovasi adalah seperti berikut:

Kriteria	Pemberat (%)
A. Kualiti & Kuantiti Penyelidik	25
B. Kualiti & Kuantiti Penyelidikan	25
C. Kualiti & Kuantiti Pascasiswazah	15
D. Inovasi	10
E. Perkhidmatan Profesional & Hadiah	5
F. Jaringan & Jangkauan	15
G. Kemudahan Sokongan	5
JUMLAH	100

8.0 VERSI

Versi pertama diluluskan oleh Senat pada 28 Julai 2011.

9.0 APPENDIKS

- (a) Terma Rujukan Berkaitan Strategi Pelaksanaan Dasar Penyelidikan dan Inovasi (Lampiran 1)
- (b) Hasil (output) Penyelidikan dan Petunjuk Prestasi (Lampiran 2)
- (c) Garis Panduan Etika Penyelidikan Universiti Malaya (Lampiran 3)

**TERMA RUJUKAN BERKAITAN STRATEGI PELAKSANAAN
DASAR PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

1. ASPEK PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Strategi yang diambil dari aspek penyelidikan & inovasi adalah:

- (a) menyediakan dan mengurus iklim dan persekitaran penyelidikan yang kondusif dan menghala ke arah penyelidikan pelbagai dan inter-disiplin.
- (b) menyediakan, menyenggara infrastruktur dan kemudahan asas bagi penyelidikan pada setiap masa.
- (c) memperakukan pelantikan staf akademik yang mempunyai *track* rekod penyelidikan dan penerbitan yang cemerlang dalam dan luar negara.
- (d) memberikan insentif dan kemudahan penyelidikan kepada staf akademik untuk menjalankan penyelidikan di dalam dan luar negara.
- (e) menyediakan sumber manusia yang mencukupi dan terlatih bagi menggalakkan aktiviti penyelidikan.

- (f) menggalakkan staf mengambil bahagian di dalam penyelidikan berkumpulan bagi kelestarian penyelidikan dan penggunaan sumber secara optima.
- (g) mengadakan rundingan dengan PTj untuk mengenalpasti kekuatan penyelidikan bagi mengembangkan bidang tersebut.
- (h) mengenalpasti dan menyokong perkembangan kepakaran dalam '*niche area*' dan penerokaan bidang-bidang baru untuk dijadikan antara kekuatan bidang penyelidikan universiti dan kepentingan negara.
- (i) mempelawa penyelidik-penyelidik berwibawa (ikon penyelidikan) termasuk penyelidik-penyelidik luar negara untuk menjalankan penyelidikan di Universiti.
- (j) menubuhkan pusat-pusat penyelidikan sebagai peneraju perkembangan penyelidikan yang dinamik, dan memastikan keahlian staf di dalam mana-mana pusat penyelidikan.
- (k) melantik penilai luar untuk menilai kemajuan dan hasil program-program penyelidikan staf universiti.
- (l) membentuk jaringan dengan pihak awam dan industri bagi tujuan penyelidikan dan inovasi.
- (m) merangka strategi untuk memastikan peningkatan bilangan artikel yang diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi.

- (n) melaksanakan sistem penganugerahan yang bersesuaian untuk menggalakkan kecemerlangan di dalam penyelidikan.

2. ASPEK KOMERSILISASI/PERUNDINGAN DAN JARINGAN INDUSTRI

Strategi yang diambil dari aspek komersilisasi/perundingan dan jaringan industri ialah:

- (a) menggalakkan staf untuk meningkatkan jalinan antarabangsa seperti menjalankan cuti sabbatical mereka di luar negara.
- (b) mengkomersilkan penemuan penyelidikan dan teknologi yang dibangunkan di Universiti.
- (c) mengadakan bengkel/seminar/persidangan bertujuan memberi pendedahan kepada staf Universiti aspek-aspek yang berkaitan dengan perundingan, komersilisasi, harta intelek serta pemindahan teknologi.
- (d) mempromosi interaksi dalam bidang perundingan dengan industri dan badan-badan profesional.
- (e) membuat pelan strategik bertujuan memantapkan perkhidmatan rundingan kepada pelbagai jabatan kerajaan, industri dan badan-badan profesional.

- (f) membentuk jaringan dengan pihak awam dan industri bagi tujuan perundingan dan komersilisasi.
- (g) mempromosikan kolaborasi universiti-industri dalam pemindahan teknologi, program akademik dan latihan serta perkara-perkara yang berkaitan.
- (h) menyokong usaha untuk mempromosikan aktiviti penyelidikan melalui perundingan.
- (j) menggalakkan hasil penyelidikan diterjemahkan kepada polisi, industri dan masyarakat sebagai satu tanggungjawab sosial universiti.
- (k) memberi pengiktirafan kepada staf yang dapat menjana pendapatan bagi Universiti.
- (l) mengenalpasti dan memantapkan kepakaran dalam 'niche area' memandangkan universiti mempunyai banyak kepakaran dalam pelbagai bidang.
- (m) menggalakkan perunding yang berpengalaman mewujudkan pelapis di kalangan pensyarah baru bagi memastikan kesinambungan dan memantapkan kumpulan kepakaran.
- (n) bekerjasama dengan syarikat-syarikat swasta bagi melengkapkan keperluan kepakaran untuk mengendalikan satu-satu projek multi-disiplin yang dikehendaki oleh klien.

HASIL (*OUTPUT*) PENYELIDIKAN DAN PETUNJUK PRESTASI

1. Penerbitan yang berwasit dalam bentuk jurnal, monograf, buku (karya asli), bab dalam buku dan prosiding.
2. Hak harta intelek dan dokumentasi dalam bentuk paten, sijil hakcipta (copyright), rekabentuk industri, dsb
3. Kertaskerja yang dibentang di persidangan, seminar dan bengkel di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa.
4. Karya kreatif asli seperti dokumentari, skor muzik, persembahan artistik, video, dsb.
5. Laporan penyelidikan yang menyumbang kepada penambahbaikan rangka kerja polisi kerajaan atau strategi pengurusan institusi.
6. Pengiktirafan yang diterima bagi hasil penyelidikan.
7. Dana penyelidikan dari sumber awam, swasta dan luar negara yang diperolehi dalam jumlah mengikut sasaran semasa.
8. Pengiktirafan kepakaran penyelidik seperti perlantikan sebagai penyunting jurnal, pemeriksa luar, panel pakar dan perunding.
9. Penyeliaan calon pascasiswazah sehingga ke pengijazahan.

10. Penyelidikan dan hasil penyelidikan yang mendapat liputan media masa.
11. Produk/idea penyelidikan yang dipaten atau dikomersilkan.
12. Penggunaan hasil penyelidikan dalam pembangunan negara.
13. Laporan kajian/projek perundingan yang disediakan memenuhi terma rujukan dan diperakukan oleh klien.
14. Lain-lain yang berkaitan.

**GARIS PANDUAN
ETIKA PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYA**

1. PENGENALAN

- 1.1 Kegiatan penyelidikan adalah merupakan antara kegiatan utama di kalangan ahli akademik bagi sesebuah universiti. Ianya merupakan aktiviti yang dituntut dari ahli akademik dalam menjalankan tugas mereka agar pengajaran yang disampaikan kepada pelajar sentiasa kemas dari segi teori, kaedah dan juga fakta.
- 1.2 Penyelidikan adalah satu usaha penelitian yang terancang menggunakan metodologi sesuai yang dilakukan dengan penuh kesabaran. Ia memerlukan kepakaran bagi menyelidik sesuatu yang baru bertujuan untuk membuat teori, kesimpulan, perancangan atau ramalan.
- 1.3 Penyelidikan juga merupakan aktiviti penerokaan ilmu pengetahuan baru yang hasilnya boleh dikongsi bersama ahli akademik untuk kemajuan negara dan kesejahteraan masyarakat.

2. DEFINISI AM

- 2.1 Etika adalah prinsip-prinsip perilaku yang baik yang dikenali juga sebagai prinsip akhlak yang didasarkan pada sistem nilai yang diterima dalam sesuatu peradaban.

- 2.2 Dalam konteks persekitaran penyelidikan di Universiti, etika dikenal pasti sebagai perilaku yang baik yang patut diikuti berdasarkan sistem nilai Universiti berkenaan yang menolak perilaku yang buruk dalam menjalani kehidupan dan kerjaya sebagai staf akademik dan juga penyelidik.

3. ETIKA PENYELIDIKAN

Dalam Garis Panduan ini, Etika Penyelidikan yang dimaksudkan adalah aspek etika yang merangkumi aspek penyelidikan, penerbitan, persidangan dan perundingan.

3.1 Aspek Penyelidikan

Staf hendaklah:

- (a) Jujur dan ikhlas dari segi objektif dan perancangan penyelidikan.
- (b) Jujur dalam mengumpul data, iaitu data tidak dimanipulasi atau direka-reka.
- (c) Jujur dalam merancang perbelanjaan penyelidikan.
- (d) Jujur dalam menggunakan peruntukan penyelidikan, iaitu tidak menggunakannya untuk tujuan-tujuan lain, misalnya untuk percutian atau membeli barang-barang yang tiada kena mengena dengan penyelidikan.
- (e) Jujur dalam mengemukakan kepada Universiti dana-dana yang diterima jika terdapat lebih daripada satu dana.

- (f) Jujur dalam mematuhi terma perjanjian bersabit dengan peruntukan yang diberikan oleh penyumbang dana tertentu.
- (g) Mematuhi Kod Etika Khas berhubung dengan profesion tertentu, seperti pendidikan, perubatan, kejuruteraan dan lain-lain yang meliputi kerahsiaan serta keselamatan di tempat kerja.
- (h) Bersikap penuh hormat kepada informan atau subjek kajian, atau juga kepada penjaga subjek (jika subjek kanak-kanak) dengan juga memberitahu secara terus terang tujuan kajian dan prosesnya.
- (i) Memastikan projek yang dijalankan tidak serupa atau hampir serupa dengan projek yang sedang dijalankan oleh rakan sejawat yang lain, kerana perbuatan ini dilihat sebagai mengkhianati rakan berkenaan.
- (j) Menjadikan projek yang menggunakan dana Universiti atau dana yang diberi melalui Universiti sebagai projek Universiti dan bukan sebagai projek peribadi.
- (k) Menyerahkan alatan yang dibeli untuk sesuatu projek dari dana Universiti atau yang dananya diberi melalui Universiti kepada Pusat Tanggungjawab yang relevan selepas selesainya projek dan tidak menjadikannya sebagai harta peribadi.
- (l) Tidak menjual atau mengkomersilkan hasil, manuskrip atau produk penyelidikan tanpa kebenaran Universiti.

- (m) Tidak menggunakan pembantu penyelidik yang diupah bagi sesuatu projek penyelidikan tertentu untuk menjalankan projek yang lain.
- (n) Tidak menggunakan penyelidikan lapangan sebagai percutian.
- (o) Mematuhi peraturan-peraturan yang berkaitan aktiviti penyelidikan yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

3.2 Aspek Penerbitan

Dalam penerbitan, penulis hendaklah:

- (a) berkata benar dari segi bahan yang ditulis, tidak direka-reka atau dimanupulasi dari segi data dan dapatan.
- (b) menulis menurut etika penulisan akademik dengan menyatakan metodologi penyelidikan, memaparkan teori dan kaedah menganalisis data.
- (c) membuat rujukan dan memberi penghargaan yang sewajarnya kepada penerbitan dan hasil penyelidikan terdahulu, dan kepada mereka yang telah memberi apa juga sumbangan ke arah menjayakan penyelidikan.
- (d) menghindari penciplakan (*plagiarism*).
- (e) menghindarkan sikap membesar-besarkan diri yang tidak pada tempatnya.

- (f) menghormati kerahsiaan orang yang memberi maklumat, seperti halnya dalam penyelidikan, dengan tidak mendedahkan nama individu atau institusi yang terlibat, jika diminta oleh mereka.

3.2.1 Penciplakan

Penciplakan merupakan penipuan akademik yang berpunca dari sikap berdusta, tidak ikhlas, tidak amanah, tidak jujur dan tidak menghormati sesama rakan kesepakaran. Penciplakan berlaku apabila idea orang lain diambil tanpa menyebut sumbernya, dan dengan itu memberi kesan bahawa idea itu idea sendiri. Keadaan ini boleh berlaku apabila:

- (i) Idea seseorang diambil kata demi kata dari artikel atau buku yang sudah diterbitkan.
- (ii) Idea seseorang dari artikel atau buku diambil dengan menggunakan kata-kata sendiri.
- (iii) Idea seseorang diambil dari perbincangan sama ada dalam persidangan, seminar, forum, ceramah atau perbincangan tak formal antara dua pihak.
- (iv) Data, diagram, jadual, gambar foto atau apa juga bahan ilustrasi yang berasal dari orang lain diambil seolah-olah kepunyaan diri sendiri.

3.3 Aspek Persidangan

Dalam menjalankan aktiviti ini staf hendaklah:

- (a) Jujur dalam permohonan dan bersifat objektif dalam menghadiri persidangan.
- (b) Jujur dalam menyediakan bajet dan membuat tuntutan menghadiri persidangan.
- (c) Mengemukakan bukti bahawa abstrak dan kertas kerja diterima untuk dibentangkan dalam persidangan.
- (d) Mendapatkan izin pihak Universiti dan kerajaan sebelum bertolak seandainya persidangan diadakan di luar negara.
- (e) Menuju ke destinasi persidangan yang dinyatakan, bukan menuju ke tempat lain.
- (f) Membentangkan kertas kerja seperti yang dijadualkan, dan tidak menarik diri tanpa sebab yang boleh diterima.
- (g) Menghadiri persidangan sepenuh masa, bukan setakat satu dua sesi sahaja.
- (h) Menjaga nama baik diri sendiri, Universiti dan negara ketika berada di luar negara.
- (i) Memastikan kertas kerja dibentangkan dalam persidangan-persidangan yang berwibawa dari segi akademik.

- (j) Berkongsi ilmu yang diperolehi daripada persidangan dengan rakan sejawat dan pelajar melalui perbincangan, pembentangan dalam seminar serta menyediakan laporan dan sebagainya.

3.4 Aspek Perundingan

Dalam perundingan, staf hendaklah:

- (a) mendapat izin Universiti dan mematuhi peraturan-peraturan perundingan yang ditetapkan, sebelum menjalankan kerja perundingan.
- (b) memastikan kerja perundingan tidak mengganggu tugas-tugas lain di Universiti.
- (c) memaklumkan kepada Universiti, pendapatan yang diperolehi dari kerja perundingan dan menyerahkan kepada budi bicara Universiti untuk mengambil atau tidak sebahagian dari pendapatan itu.
- (d) berusaha mendapatkan kerja perundingan berdasarkan kepakaran sendiri atau kepakaran bersama rakan sejawat.



Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
MALAYSIA